

UMS syor kajian menangani masalah air merah disegerakan

Rabu 26 Mac 2003

Berita Harian

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyarankan supaya kerjasama menangani masalah keracunan hidupan laut akibat pencemaran air merah (red tide) antara agensi kerajaan dan antarabangsa dipertingkatkan bagi mengelak ketakutan orang ramai terhadap fenomena itu.

Fenomena semula jadi itu disebabkan pembiakan alga *pyrodinium bahamense variety compressum* yang berlaku setiap tahun di perairan Laut China Selatan negeri ini menyebabkan hidupan laut terutama siput dicemari racun yang boleh membunuh manusia.

Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata berikutan itu kajian terperinci melalui kerjasama membabitkan agensi kerajaan, saintis serta badan antarabangsa bagi mencari kaedah mengatasinya perlu digiatkan.

Katanya, pembiakan alga berbahaya *Harmful Algal Bloom* atau HAB itu perlu dikaji dan dibendung su-

paya hidupan laut di negeri ini tidak dicemari bahan beracun yang dikenali sebagai *paralytic shellfish toxins* (PSP).

"Kerjasama antara agensi kerajaan dan antarabangsa penting dalam usaha mencari kaedah dan melaksanakan strategi untuk mengatasi pencemaran air merah daripada menjadi fenomena yang menakutkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan kursus latihan Intergovernmental Oceanic Commission (IOC) Western Pacific HAB (IOC Westpac-HAB) mengenai alga berbahaya di Galeri Canselori UMS, Teluk Sepanggar, di sini.

Kursus antarabangsa kali ketujuh itu dihadiri saintis dan pengkaji alga dari China, Korea, Jepun, Filipina, Vietnam dan Malaysia yang antara lain bertujuan untuk menggalakkan kerjasama penyelidikan mengenai alga berbahaya dengan semua negara terbabit.

Ia dipengerusikan Pengarah Insti-

tut dan Makmal Penyelidikan Bioteknologi UMS, Prof Datin Dr Ann Anton dan turut dihadiri penyelaras IOC Westpac-HAB, Prof Dr Yasuwo Fukuyo, dari Pusat Sains Alam Sekitar Semula jadi Asian, Universiti Tokyo, Jepun.

Kursus berkenaan dianjurkan dengan kerjasama UMS dan Program Kerjasama Sosioekonomi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

Dr Abu Hassan berkata, sejak penubuhan UMS pada 1995, program akademiknya lebih menumpukan terhadap usaha penyelidikan, promosi dan khidmat masyarakat mengenai kepentingan sumber semula jadi dan pengurusan alam sekitar untuk pembangunan sosioekonomi secara mampan.

"Kursus ini juga sebahagian daripada usaha universiti untuk kepentingan sosioekonomi di negara ini," katanya.

Beliau berkata, kali pertama HAB dikesan di negeri ini ialah pada 1976

di kawasan perairan Teluk Kimanis yang menyebabkan keracunan terhadap hidupan laut kesan penghasilan toksik oleh alga itu.

Berikutan itu, katanya UMS menjalankan penyelidikan terhadap alga berbahaya di perairan berkenaan dari 1997 hingga 2000 dan dalam masa sama berjaya mengenal pasti beberapa spesies air merah di kawasan pantai barat dan timur Sabah.

Katanya, langkah yang diambil IOC sejak kursus seumpama itu dianjurkan lapan tahun lalu berjaya meningkatkan keprihatinan terhadap usaha membuat penyelidikan dan pengurusan alga marin berbahaya.

Dr Abu Hassan berkata, penyelidikan terhadap alga berbahaya di negeri ini berpotensi dijadikan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) UMS, khususnya dalam usaha meningkatkan pengetahuan mengenai fenomena pencemaran air merah dan kaedah mengawal pembiakannya.